

# Zylane-Hua Wei pamer aksi memukau

**Kuala Lumpur:** Malaysia menambah satu lagi emas dalam acara renang berirama menerusi gandingan Zylane Lee Hying Huey-Gan Hua Wei dalam acara rutin bebas duet pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil, semalam.

Gandingan negara berjaya memukau juri dengan gerak tari yang menghiburkan dan mantap untuk mengumpul 76.3000 mata.

Pingat perak diraih pasangan Singapura, Miya Yong Hsing-Debbie Soh Li Fei yang mengutip 76.2333 mata, perbezaan 0.0667 mata.

Pasangan Indonesia, Anisa Feritrianti-Claudia Megawati Suyanto raih gangsa dengan 71.4667 mata.

## Terpaksa berpuas hati

Satu lagi gandingan negara, Lee Yiat Xin-Nur Liyana Nadirah Mohd Fairuz terpaksa berpuas

hati di tempat keempat dengan 70.4667 mata.

Gandingan Zylane-Hua Wei sebelum ini tewas kepada pasangan Singapura itu dalam acara rutin teknikal duet yang menyaksikan Singapura meraih emas manakala Malaysia berpuas hati dengan perak. **BERNAMA**

